



كِرَاءَان نَغَرِي كَدَاه دَارُ الْاَمَان  
**KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795  
Faks : 04-702 7720  
(Bhg. Kewangan)  
: 04-702 7722  
(Bhg. Perbendaharaan)  
Laman Web : [ppnk.kedah.gov.my](http://ppnk.kedah.gov.my)  
E-mail : [pkpkn@kedah.gov.my](mailto:pkpkn@kedah.gov.my)



Ruj. Kami : (27) dlm PKw.N(K) 1521 Jld 3  
Tarikh : 7 Jamadilawal 1443 H  
12 Disember 2021 M

**SEMUA KETUA JABATAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' /Tuan / Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL 9/2021**  
**PERATURAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021**

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

**2. LATAR BELAKANG**

Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM1,000.00 dibayar kepada semua gred Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk lantikan kontrak dan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

**3. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN**

- 3.1 Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini akan diberi kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman **yang masih berkhidmat sehingga 27 Disember 2021**. Bayaran ini akan dibuat secara **prorata** berdasarkan bilangan hari perkhidmatan sepanjang tahun 2021.
- 3.2 Bagi pegawai negeri yang bertukar keluar ke Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 hendaklah dibayar oleh agensi yang menerima pegawai. Manakala bagi pegawai yang bertukar dari Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ke Jabatan Negeri, bayaran akan dibuat oleh Jabatan Negeri yang berkenaan.

- 3.3 Pegawai lantikan kontrak yang berkhidmat sepanjang tahun 2021 dan tamat kontrak lantikan pada atau sebelum 27 Disember 2021 dan seterusnya dilantik semula selepas 27 Disember 2021 mengikut ketetapan pihak berkuasa yang melantik adalah layak dibayar Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021.

#### **4. TARIKH PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM1,000.00 ini akan dibayar pada **27 Disember 2021**.

#### **5. PEGAWAI / ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI YANG LAYAK DIBAYAR**

Tertakluk kepada perenggan 3 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah seperti berikut:

- 5.1 Pegawai lantikan tetap, kontrak dan Guru Interim;
- 5.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 5.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 5.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji (berdasarkan tempoh berkhidmat sepanjang tahun 2021)
- 5.5 Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;
- 5.6 Pemandu yang dilantik oleh Pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetap tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- 5.7 Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah.

#### **6. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR**

Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 adalah :

- 6.1 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 27 Disember 2021;

- 6.2 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 27 Disember 2021;
- 6.3 Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 27 Disember 2021; dan
- 6.4 Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 27 Disember 2021.

## 7. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS KEWANGAN

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

## 8. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM1,000.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 27 Disember 2021 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 27 Disember 2021.

## 9. PERATURAN PERLAKSANAAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021

- 9.1 Bayaran bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di mana gajinya dibayar melalui sistem gaji berkomputer (payroll) perkara berikut hendaklah dipatuhi:-
  - i. Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan Laporan G004.
  - ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 di Laporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerima bayaran sepenuhnya atau yang memerlukan kiraan prorata.

**Contoh perkiraan : RM1000 x HARI BERKHIDMAT  
365 HARI**

- iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:

- a) Bersara
- b) Meninggal dunia
- c) Tindakan tatatertib
- d) Letak Jawatan
- e) Cuti Tanpa Gaji

**Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri; dan**

iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

**“Dengan ini disahkan bahawa maklumat / data Laporan G004 (termasuk pindaan ) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku Jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut..”**

**(Tandatangan & Cop Jabatan)**

- v. Laporan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman selewat-lewatnya pada hari **Ahad, 19 Disember 2021 jam 12.00 tengah hari. Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 dibayar lewat.**
- vi. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 Bayaran Khas Kewangan Tahun 2021 hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta merta.

## 9.2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan penyata perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

## 9.3 Pelarasan Untuk Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam tahun 2021 sahaja.

## 9.4 Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Kewangan 2021 adalah seperti berikut:-

**KOD SODO**

**PERIHAL**

**B0117102**

**Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021**

**B0229306**

**Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021  
Pekerja sementara / sambilan yang tidak  
menyandang jawatan tetap.**

**10. TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

**11. TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian , terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M))**  
Bendahari Negeri  
b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

**s.k.** YB Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Audit Negara, Negeri Kedah Darul Aman